



SIARAN MEDIA

LANJUTAN TEMPOH BAYARAN NOTIS BORANG E DAN PENANGGUHAN TINDAKAN WARAN TAHANAN DAN SITAAN CUKAI TAKSIRAN PENGGAL 1/2020 MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

1. Mengambil kira situasi negara yang sedang berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan, Majlis Perbandaran Selayang telah mengambil keputusan untuk melanjutkan tempoh bayaran notis Borang E cukai taksiran sehingga 30 APRIL 2020. Keputusan ini diambil untuk memberi kemudahan kepada pembayar cukai yang menghadapi kesulitan untuk membuat bayaran kepada MPS. Lanjutan tempoh bayaran ini akan memberi manfaat kepada lebih 55,000 pemegang akaun yang masih mempunyai tunggakan cukai taksiran.
2. MPS juga akan menangguhkan tindakan waran tahanan dan sitaan ke pemilik yang mempunyai tunggakan cukai taksiran kepada 1 Mei 2020.
3. Untuk sebarang pertanyaan ataupun aduan, orang ramai boleh menghubungi talian Bilik Gerakan Khas MPS yang akan beroperasi pada Isnin hingga Jumaat, Jam 8 pagi hingga 5 petang di hotline 03-61389898 atau talian bebas tol di 1800-222-677. Orang ramai juga boleh merujuk laman sosial MPS untuk sebarang pengumuman terkini berkaitan MPS.

Dikeluarkan Oleh:

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

**11.00 AM
25 Mac 2020**